

26/12/1998

Isu Zahid, tragedi bot jadi ingatan

SABAN hari berlaku peristiwa yang menjadi kenangan peribadi, sejarah negara, pengalaman pahit mahupun manis sesebuah bangsa. Ia berlaku dalam pelbagai keadaan dan sesetengahnya di luar jangkaan. Berita Harian menyorot sebahagian daripada peristiwa pahit manis untuk sepanjang 1998.

RENTETAN daripada pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September 1998 terus dirasa sepanjang Oktober. Pada 2 Oktober 1998, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan peletakan jawatannya secara rasmi selepas didesak oleh ahli pergerakan berkenaan sejak beliau dikaitkan dengan gerakan Reformasi yang didokong Anwar.

Ahmad Zahid akur dengan pendirian majoriti exco serta pemimpin akar umbi pergerakan pemuda Umno dan meletakkan jawatan selepas dibebaskan daripada penahanan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 30 September selepas ditahan pada 21 September.

Beliau bagaimanapun menafikan terbabit dengan Reformasi.

Sementara itu, tanggal 8 Oktober mencatatkan sejarah hitam tersendiri. Seramai 15 penumpang sebuah bot yang membawa pekerja Pandanus Island Resort di Pulau Besar ke jeti Anjung Batu, Melaka karam selepas dipercayai dipukul ombak besar kira-kira jam 11.40 malam.

Bagaimanapun, 18 lagi penumpang bot itu dapat diselamatkan.

Bulan ini juga menyaksikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama, tiba di Parlimen untuk membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 1998.

Perdana Menteri yang buat pertama kali berbuat demikian, membentangkan Belanjawan 1999 berjumlah RM65 bilion.

Selang sehari iaitu 24 Oktober 1998, istiadat pelantikan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Siti Aishah dimasyhurkan secara rasmi di Balai Rong Seri Istana Alam Shah, Klang.

Istiadat dimulakan dengan Sultan Selangor meletakkan Tiara Di Jemala Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Aishah sebelum disusuli tembakan meriam 18 das.

Di kancah politik antarabangsa, konflik etnik Albania dengan pihak berkuasa Serb masih gagal didamaikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) manakala tindakan ketenteraan yang kononnya hendak diambil oleh Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato), tidak dilaksanakan.

Pada 28 Oktober agensi media antarabangsa menyiarkan gambar menunjukkan jenazah Ali Murat Pacarizi, 20, seorang daripada anggota Tentera Pembebasan Kosovo diratapi oleh sanak-saudaranya di sebuah perkampungan di Dragobil.

Berbalik semula dalam negara, 29 Oktober 1998 mencatatkan sejarah tersendiri buat DRB-Hicom menerusi anak syarikatnya, Defence Technologies Sdn Bhd (Deftech) yang mempelopori industri pertahanan dengan mengeluarkan kenderaan tentera termasuk trak dinamakan Hicom Perkasa.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar meninjau perkembangan operasi Deftech di Rawang, Selangor selepas ia mula merintis jalan dalam industri itu pada Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia 1998 (DSA '98).

(END)